

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA SEMESTER 1 2025/2026

23
SEPTEMBER
2025
SELASA

10:00
pagi

Projek Sarjana
Muda I (PSM I)
SHPU4902

11:00
pagi

Projek Sarjana
Muda II (PSM II)
SHPU4904

Imbas Kod QR
Pautan WebEx



Perhatian:

Semua pelajar yang akan mendaftar
PSM I dan PSM II bagi Semester 1,
Sesi 2025/2026 **DIWAJIBKAN**
menghadiri sesi taklimat ini.

Anjuran:


JKuaa Projek Sarjana Muda (PSM), Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Menginovasi Pendidikan, Membentuk Masa Depan
<https://fest.utm.my>



Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

- Sila imbas kod QR untuk mendaftar kehadiran anda.
- Kita akan mulakan sesi taklimat sebenar lagi.
- Terima kasih kerana menunggu.





TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I) – [KOD KURSUS: SHPU4092]

SEM 1 2025/2026

23 SEPTEMBER 2025 (SELASA)

TAKLIMAT

PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

Projek Sarjana Muda (PSM)

1. Takrifan, Matlamat dan Objektif PSM
2. Syarat Pendaftaran PSM
3. Kategori PSM
4. Tema Laporan PSM dan Contoh Tajuk PSM (Semester Lepas)
5. Skop dan Tahap
6. Sistem Pelaksanaan
7. Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
8. Penilaian dan Lain-Lain Perkara
9. **AMARAN**
10. Penyelaras PSM – mengikut Program
11. Kouta Penyelia: Pelajar
12. Tarikh penting berkaitan PSM I

Sistem Projek Sarjana Muda (PSM)

1. Lantikan Penyelia PSM
2. Kemaskini Maklumat Diri dalam Sistem PSM

PROJEK SARJANA MUDA (PSM)



WhatsApp Group



Projek Sarjana Muda [Sem 1
2025/2026]

Group · 279 members

**SCAN
HERE!**



TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

Pendahuluan

Semua pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) **dikehendaki menyempurnakan** satu projek di bawah kursus **Projek Sarjana Muda (PSM)** berkaitan bidang pengajian masing-masing sebagai memenuhi salah satu daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda. PSM terbahagi kepada **Projek Sarjana Muda I (PSM I)** dan **Projek Sarjana Muda II (PSM II)**. Laporan akhir PSM I dan PSM II mengikut format standard penulisan ilmiah perlu dihantar pada penghujung semester pengajian. Penilaian pelajar bagi PSM I dan PSM II adalah mengikut kaedah dan format yang ditetapkan.

Takrifan Projek Sarjana Muda (PSM)

Projek Sarjana Muda (PSM) adalah kursus **kajian ilmiah lengkap** dalam skala kecil (*a complete small scale academic research*) yang bertujuan untuk memberikan pendedahan awal kepada pelajar berkaitan kemahiran penulisan dan lisan dengan menggunakan kaedah saintifik. Pelajar perlu mengaplikasikan pengetahuan teori, kemahiran serta pengalamannya semasa menjalankan kajian ilmiah ini **secara berdikari di bawah bimbingan penyelia**.

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

Matlamat PSM

Matlamat PSM adalah untuk **meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam mengaplikasikan ilmu, mengembangkan pemikiran kritis, kemahiran komunikasi dan penyelesaian masalah secara beretika** melalui kajian ilmiah dengan harapan dapat melahirkan pelajar yang berfikir secara holistik. PSM memberikan pendedahan dan pengalaman kepada pelajar **menjalankan penyelidikan ilmiah secara sistematik.**

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

Objektif PSM

Objektif PSM ialah melatih pelajar mengaplikasikan pengetahuan teori, kemahiran dan pengalamannya secara sistematik untuk membolehkan mereka:

- **Mengenal pasti dan menganalisis** masalah kajian secara kritis dan analitik
- **Mencari maklumat** serta **membuat rujukan** berkaitan dengan kajian
- Mengaplikasi pelbagai kaedah dan prosedur praktikal untuk menyelesaikan masalah dalam kajian
- Mempunyai kemahiran merancang kerja dan masa serta kemahiran bekerja secara terarah dan sendiri
- Menghubungkan teori atau model pembelajaran yang sesuai dalam kajian

- Berupaya mempraktikkan pengetahuan secara menyeluruh serta menyampaikan idea secara akademik
- Melaksanakan kajian secara bertanggungjawab dan beretika
- Menganalisis data kajian menggunakan kaedah statistik yang sesuai secara kritis dan analitik
- Mengintepretasi maklumat dan menghurai idea secara kritis dan tepat
- Menyempurnakan kajian dalam jangka masa yang ditetapkan
- Menulis laporan kajian mengikut standard yang ditetapkan
- Membentangkan dan menghujah hasil kajian secara lisan dan bertulis dengan yakin dan jelas

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

Syarat Pendaftaran PSM

1. Pelajar yang berada di **tahun akhir** pengajian sahaja dibenarkan mendaftar kursus PSM
2. Bagi **mendaftar kursus PSM I** pelajar **wajib lulus** kursus Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan (SHPP3042) sebagai **prasyarat** pendaftaran, manakala **lulus PSM I** pula merupakan **prasyarat** untuk **pendaftaran PSM II**.
3. **Gred lulus PSM I** adalah sekurang-kurangnya **gred C+ (55 markah)** dan **PSM II** sekurang-kurangnya **gred D+ (40 markah)** seperti yang ditetapkan oleh Fakulti bagi memenuhi sebahagian dari syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda.
4. Pendaftaran **PSM I dan PSM II** tidak boleh dibuat dalam **semester yang sama**.

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

Kategori Projek Sarjana Muda (PSM)

Terdapat **tiga (3) kategori** Projek Sarjana Muda (PSM) yang boleh dilaksanakan oleh pelajar Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi (FEST), iaitu:

(1) Penyelidikan

Pelajar dikehendaki menjalankan kajian ilmiah ke atas satu **tajuk khusus** dalam **bidang pengkhususan yang diikutinya** atau **bidang pendidikan yang berkaitan dengan bidang pengkhususan** berkenaan. Kajian kategori ini boleh bersifat asas atau gunaan. Pelajar dibenarkan memilih jenis kaedah kajian yang biasa digunakan seperti **kajian persejarahan, kajian kes, kajian eksperimen sebenar, kajian eksperimen quasi, kajian ex post facto**, dan sebagainya.

(2) Pembangunan Perisian / Modul Pendidikan

Pelajar dikehendaki sama ada membangunkan **prototaip perisian (multimedia) pendidikan, menilai keberkesanan atau/dan menambahbaik perisian (multimedia) pendidikan sedia ada** atau menghasilkan **modul pendidikan**. Fokus penggunaan perisian atau modul pendidikan yang dihasilkan adalah untuk tujuan membantu proses pengajaran dan/atau pembelajaran. Kandungan perisian/modul pengajaran **mestilah berkaitan dengan bidang pengkhususan** yang diikuti oleh pelajar berkenaan, sama ada di **peringkat prasekolah, sekolah rendah, menengah atau Institusi Pengajian Tinggi**.

(3) Reka Cipta Teknologi

Pelajar dikehendaki menghasilkan **reka cipta (prototaip)** peralatan dengan **ciri-ciri teknologi tertentu**, termasuk untuk digunakan sebagai **bahan bantu mengajar, atau sebagai penambahbaikan dalam aplikasi berkaitan bidang pengkhususan** pelajar.

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

SKOP DAN TAHAP

1. Penentuan **skop liputan dan tahap penyelidikan** PSM adalah agak **subjektif dan bergantung kepada masalah kajian, klasifikasi, kaedah** dan sebagainya. Penentuan skop liputan dan tahap penyelidikan PSM adalah agak subjektif dan bergantung kepada masalah kajian, klasifikasi, kaedah dan sebagainya. Dalam hal ini, pihak Sekolah Pendidikan membenarkan berlakunya variasi mengenai skop liputan dan tahap kajian asalkan ianya berlaku dalam julat yang munasabah dan pelajar **faham tentang apa yang mereka kaji**.
2. Sebagai panduan, perkara berikut perlu diambil kira oleh Penyelia untuk menentukan skop liputan dan tahap kajian PSM di bawah penyeliaannya:
 - a) Skop liputan dan tahap kajian yang dipilih perlu membolehkan pelajar mencapai semua matlamat dan falsafah serta objektif PSM.
 - b) Kajian yang dilaksanakan adalah **lengkap walaupun dalam skala yang kecil**.
 - c) Pelajar akan berupaya berfikir dan bertindak secara kritis dan analisis terhadap perkara-perkara berkaitan dengan penyelidikan setelah menyiapkan PSM.

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

SISTEM PELAKSANAAN

1. **Setiap pelajar** akan melaksanakan Projek Sarjana Muda (PSM) di bawah bimbingan **seorang Penyelia** yang dipersetujui oleh JKPSM dan dilantik oleh Dekan, Fakulti Sains Pendidikan dan Teknologi (FEST).
2. Pelajar **tidak dibenarkan** menukar Penyelia tanpa kebenaran JKPSM.
3. Lazimnya, pelajar dibenarkan untuk **mengenal pasti dan memilih Penyelia** masing-masing dalam **tempoh yang ditetapkan** oleh JKPSM dan seterusnya membuat pelantikan penyelia dan pemilihan tajuk melalui sistem PSM. Selepas daripada tarikh yang telah ditetapkan, JKPSM akan menetapkan Penyelia bagi seseorang pelajar mengikut kuota penyeliaan setiap pensyarah.
4. Bagi **pelajar program SHPIH**, penentuan penyelia akan dilakukan oleh penyelaras PSM program mengikut kouta penyeliaan setiap pensyarah.
5. Dalam sebarang keadaan, adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk berbincang dengan Penyelia masing-masing dalam urusan menentukan masalah kajian, bidang, kaedah serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengan PSM.
6. Pelajar perlu mendapat persetujuan daripada Penyelia berkenaan tajuk PSM yang akan dijalankan. **Walau bagaimanapun, tajuk dan projek yang berunsur politik adalah tidak dibenarkan.**

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

SISTEM PELAKSANAAN

7. Pelajar boleh mengubah tajuk, masalah kajian, pengkaedahan, skop, dan lain-lain setelah mendapat **persetujuan daripada Penyelia** sepanjang penyeliaan PSM.

8. **Pelajar bertanggungjawab merekodkan segala aktiviti berkaitan dengan Projek Sarjana Muda (PSM) di dalam menu Buku Log** yang disediakan di dalam sistem PSM.

Buku Log merupakan catatan lengkap mengenai sebarang kerja yang dilakukan sepanjang pelaksanaan Projek Sarjana Muda (PSM). Buku log di dalam sistem PSM hendaklah diisi setiap kali perjumpaan bersama Penyelia. Penyelia pula perlu mengesahkan catatan dan perjumpaan yang diisi oleh pelajar yang diselia pada akhir setiap sesi pertemuan melalui sistem yang sama. Dengan yang demikian, **maklumat yang terdapat di dalam Buku Log akan menggambarkan sikap, kemajuan dan daya usaha pelajar.**

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

SISTEM PELAKSANAAN

9. Sesi **pembentangan ePoster** akan dijalankan dalam **semester PSM I**. **Seorang penilai** akan dilantik untuk **menilai ePoster** pelajar, di mana pelajar akan membentangkan ePoster tersebut kepada penilai bagi memastikan kemajuan PSM I pelajar berjalan seperti yang dirancang. Pembentangan ePoster akan diadakan **sekitar minggu ke-10 hingga minggu ke-12** semester tersebut. **Penilai akan memberikan maklum balas dan cadangan penambahbaikan (sekiranya perlu) melalui sistem PSM**. **Tiada pemarkahan** bagi sesi pembentangan ePoster PSM ini.

10. Pada **akhir semester** berkenaan, **penyelia** akan **membuat penilaian** terhadap perkembangan PSM I bagi setiap pelajar di bawah seliaannya. Sistem pemarkahan penyelia hanya akan dibuka setelah pelajar menghantar ePoster dan penilai memasukkan maklum balas. Penyelia boleh menggunakan maklumat penilaian ini sebagai asas untuk penilaian PSM II bagi pelajar di bawah seliaannya.

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN

1. Pelajar perlu **mendapatkan kebenaran menjalankan penyelidikan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)** sekiranya kajian PSM yang dijalankan melibatkan perkara dasar, amalan atau sampel dari badan-badan atau agensi-agensi tertentu di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Prosedur permohonan kelulusan menjalankan kajian perlu melalui dua langkah iaitu:

- (a) Pemohonan kebenaran menjalan penyelidikan dari **EPRD KPM**. Permohonan boleh dilakukan secara dalam talian melalui pautan **sistem eRAS 2.0** (<https://eras.moe.gov.my/>).
- (b) Setelah **berjaya mendapatkan kelulusan** dari **EPRD KPM**, permohonan menjalankan kajian di **sekolah yang dipilih** perlu mendapatkan kelulusan dari **Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)** mengikut negeri yang dipilih untuk **melaksanakan kajian**.

2. Bagi pelajar yang ingin menjalankan kajian di **Politeknik**, perlu untuk mendapatkan kelulusan dari Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Surat kelulusan yang diperolehi dari JPPKK perlu diberikan kepada Pengarah Politeknik dan ketua jabatan di mana kajian dijalankan.

3. Permohonan untuk mendapatkan kebenaran menjalankan penyelidikan perlu **dibuat sendiri oleh pelajar**.

4. Pelajar adalah **bertanggungjawab mematuhi semua syarat dan peraturan** yang ditetapkan oleh pihak yang memberi kebenaran menjalankan penyelidikan terutamanya yang melibatkan isu-isu yang dikategorikan sebagai sensitif.

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

PENILAIAN

- 1. Penilaian PSM** dibuat berdasarkan **dua aspek** iaitu:
 - a) Prestasi, kemajuan dan pencapaian hasil kerja kajian
 - b) Kemampuan pelajar membenteng dan menghujah hasil kajiannya secara lisan dan bertulis.
- 2. Wajaran** bagi kedua-dua aspek penilaian ditentukan adalah seperti berikut:
 - a) **PSM I** – 100 % daripada Penyelia
 - b) **PSM II** – 70% daripada Penyelia
30% daripada Panel Penilai
(sewaktu pembentangan seminar)

LAIN-LAIN PERKARA

1. Laporan PSM perlu disediakan dalam **Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris** mengikut format yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.
2. **Pelajar TESL** perlu menulis laporan PSM dalam **Bahasa Inggeris**.

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

AMARAN

1. PSM mestilah merupakan **karya asli pelajar**. Sebarang petikan (*quotation*), penyalinan semula atau penggunaan instrumen/hasil kerja penyelidik lain mesti dibuat mengikut tatacara penyelidikan yang dibenarkan oleh pihak universiti.
2. Merujuk kepada pekeliling yang dikeluarkan oleh Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, setiap pelajar perlu melampirkan laporan Turnitin (**Indeks kesamaan tidak melebihi 20%**) yang disahkan oleh penyelia bersama-sama setiap laporan PSM I dan PSM II.
3. **Tindakan tatatertib** boleh diambil kepada pelajar yang didapati melaksanakan PSM secara **meniru, meniplak, menyalin semula atau melanggar peraturan hak cipta penulis/penyelidik** lain tanpa mengikut tatacara yang ditetapkan oleh universiti berdasarkan **BAHAGIAN 7, SALAH LAKU AKADEMIK, Perkara 36: Penyelewengan Akademik** dalam Buku Peraturan Akademik Universiti Teknologi Malaysia (Edisi keenambelas 2022).



FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PEKELILING PENTADBIRAN AKADEMIK
BIL. 1/2020

LAPORAN TURNITIN UNTUK LAPORAN CADANGAN KAJIAN (PSM1) & LAPORAN PROJEK SARJANA MUDA (PSM2) BAGI PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti pada 8 Disember 2020 (JKA Bil 15/2020) telah bersetuju dan memutuskan untuk **mewajibkan pelajar** mengemukakan **Laporan Turnitin** semasa menghantar Laporan Cadangan Kajian Projek Sarjana Muda (PSM1) dan Laporan Projek Sarjana Muda (PSM2) ke Pejabat Akademi Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi (SHARPS) dan Sekolah Pendidikan (SoE).

Pihak sekolah **berhak menolak atau tidak menerima** Laporan Cadangan Kajian (PSM1) dan Laporan Projek Sarjana Muda (PSM2) berkenaan jika ia tidak disertakan dengan **Laporan Turnitin** tersebut. Peratus maksima *similarity* yang dibenarkan ialah 20% untuk keseluruhan laporan.

2. Pelaksanaan kaedah ini akan dilaksanakan bermula pada Semester I Sesi 2020/2021 dan pekeliling ini dikeluarkan bagi tujuan arahan rasmi dan penguatkuasaannya di peringkat sekolah.

3. Sehubungan itu, semua staf akademik/penyelia dan pelajar diminta mengambil maklum mengenai pelaksanaan perkara ini. Sebarang kemusykilan, rujukan boleh terus dibuat kepada Penyelaras PSM sekolah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia
8 Disember 2020

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

PENYELARAS PSM MENGIKUT PROGRAM



Dr. Chuzairy Hanri
Penyelaras PSM Program SHPCH



Dr. Nur Hazirah Noh@Seth
Penyelaras PSM Program SHPJH



Dr. Najwa Hanani Abd Rahman
Penyelaras PSM Program SHPIH



Dr. Najua Syuhada Ahmad Alhassora
Penyelaras PSM Program SHPMH



Dr. Mohd Fahmi Adnan
Penyelaras PSM Program SHPQH



Dr. Faraha Hamidi
Penyelaras PSM Program SHPLH



Puan Marlina Ali
Penyelaras PSM Program SHPFH



Dr. Hanifah Jambari
Penyelaras PSM Program SHPRH



Dr. Nur Fatihah Raimi
Penyelaras PSM Program SHPSH



Dr. Sh Maryam Syed Azman
Penyelaras PSM Program SHPVH

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

KUOTA PENYELIAAN (PENYELIA: PELAJAR)

JABATAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN
TEKNIKAL DAN VOKASIONAL TERMAJU
[SHPJH, SHPQH, SHPRH, SHPVH]



1 penyelia : 2-3 pelajar

Senarai Penyelia

JABATAN PENDIDIKAN SAINS DAN MATEMATIK
INOVATIF
[SHPCH, SHPMH, SHPFH]



SHPCH - 1 penyelia : 5-6 pelajar
SHPMH – 1 penyelia : 5-6 pelajar
SHPFH – 1 penyelia : 3-4 pelajar

Senarai Penyelia

***pemilihan tertakluk kepada persetujuan penyelia yang dicadang dan penyelaras PSM program*

Innovating Solutions

Jkuasa PSM

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

KUOTA PENYELIAAN (PENYELIA: PELAJAR)

Senarai Penyelia Program Pendidikan Kimia



Assoc. Prof. Dr. Johari bin Surif

B.Sc. (Environment Science) (Honours) (UKM)

M.Ed. (Chemistry Education)(UTM)

Ph.D (Chemistry Education)(UTM)

E-mel : johari_surif@utm.my

Room : C14-321-01

Website: people.utm.my/johari_surif/



Dr. Corrienna binti Abdul Talib

Doctor of Veterinary Medicine (DVM)(UPM)

Dip. Ed. in Sc. Edu. (Penang Federal Training Institute, Penang, Malaysia)

M.A. Ed in Science Education (USM)

Ph.D (Science Education) (USM)

E-mel : corrienna@utm.my

Room : C13-401-03

Website: people.utm.my/corrienna/



Assoc. Dr. Nor Hasniza binti Ibrahim

B.Sc (Biomedical Science) (Honours) (UPM)

M.Ed. (Chemistry Education) (UTM)

PhD (Chemistry Education) (UTM)

E-mel : p-norhaniza@utm.my

Room : C13-311-01

Website: people.utm.my/norhaniza/



Dr. Chuzairy bin Hanri

B.Sc. with Edu. (Chemistry) (UTM)

M. (Science Mathematics)(UTM)

Ph.D (Chemistry Education)(UTM)

E-mel : chuzairy@utm.my

Room : C10-314

Website: people.utm.my/chuzairy/educ.utm.my/chuzairy/



Dr. Siti Najihah Jamal

B.Sc. Sains kimia (UKM)

M. Pendidikan Kimia (UTM)

PhD. Pendidikan Kimia (UTM)

E-mel: sitinajihahjamal@utm.my

Nombor bilik: C13-201-01

****pemilihan tertakluk kepada persetujuan penyelia yang dicadang dan penyelaras PSM program**

Innovating Solutions

Jkuasa PSM

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

KUOTA PENYELIAAN (PENYELIA: PELAJAR)

Senarai Penyelia Program Pendidikan Matematik



Assoc. Prof. Dr. Abdul Halim bin Abdullah
B.Sc. & Comp. with Ed.(Mathematics) (UTM)
M.Ed. (Mathematics)(UTM)
Ph.D (Mathematics Education)(UKM)
E-mel : p-halim@utm.my
Room : C15-207-01
Website: people.utm.my/halim/



Dr. Sharifah binti Osman
B.sc.(Chemistry Education)(UKM)
Ph.D (Engineering Education)(UTM)
E-mel : sharifah.o@utm.my
Room : C13-318
Website: people.utm.my/sharifah/



Dr. Norulhuda binti Ismail
B.Sc. with Edu. (Mathematics)(UTM)
M.Ed (Mathematics Education)(UTM)
Ph.D (University of London, UK)
E-mel : p-norulhuda@utm.my
Room : C14-318
Website: people.utm.my/norulhuda/



Dr. Najua Syuhada binti Ahmad Alhassora
B. Sc. with Edu. (Mathematics Education) (UTM)
M. Edu. (Mathematics Education) (UTM)
PhD (Mathematics Education) (UTM)
Post-Doctoral (Mathematics Education) (University of Melbourne, Australia)
Email : najuasyuhada@utm.my
Room : D05-417
Website: people.utm.my/najuasyuhada/



Dr. Mohamad Ikram bin Zakaria
Bachelor of teaching (Hons) (Mathematics Education) (IPGM)
M.Edu (Educational Psychology)(UKM)
PhD (Mathematics Education)(UKM)
Email : mohamad.ikram@utm.my
Room : C13-323
Website:

****pemilihan tertakluk kepada persetujuan penyelia yang dicadang dan penyelaras PSM program**

Innovating Solutions

Jkuasa PSM

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

KUOTA PENYELIAAN (PENYELIA: PELAJAR)

Senarai Penyelia Program Pendidikan Fizik



Prof. Dr. Fatin Aliah Phang binti Abdullah
B.Sc. & Comp. with Ed.(Physics)(UTM)
M.Ed. (Physics Education)(UTM) M. Phil (Educational Research)(University of Cambridge,UK)
Ph.D (Education)(University of Cambridge,UK)
E-mel : p-fatin@utm.my
Room : C13-319-01
Tel : 07-5534557
Website: people.utm.my/fatin/educ.utm.my/fatin/



Dr. Noorzana binti Khamis
B. Sc. (Industrial Physics)(UTM)
M. Ed (Physics)(UTM)
PhD. (Physics Education)(UTM)
Email : noorzana@utm.my
Room : C13-201
Website : people.utm.my/noorzana



Dr. Muhammad Abd Hadi bin Bunyamin
B.Sc. with Edu. (Physics)(UTM)
M.Ed (Physics Education)(UTM)
Ph.D (Physics Education)(USA)
E-mel : mabhadi@utm.my
Room : C13-310
Website: people.utm.my/mabhadi/



Mrs. Marlina binti Ali
B.Sc. with Edu. (Physisc)(Honours)(UTM)
M.Ed. (Physisc)(UTM)
E-mel : p-marlina@uulm.my
Room : C13-401-02
Website: people.utm.my/marlina/



Dr. Nor Farahwahidah binti Abd Rahmani
B. (Physics) (UTM)
M. Phil. (Physic Education) (UTM)
PhD (Physics Education)(UTM)
E-mel : nfwahidah@uulm.my
Room : C14-336
Website: people.utm.my/nfwahidah/



Dr. Nina Diana Nawi
B. Sc. (Physics)(UTM)
Ph.D (Plasma Physics)(UTM)
E-mel : ninadiana@utm.my
Room : D05-416
Website: <https://people.utm.my/ninadiana>

****pemilihan tertakluk kepada persetujuan penyelia yang dicadang dan penyelaras PSM program**

Innovating Solutions

Jkuasa PSM

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

KUOTA PENYELIAAN (PENYELIA: PELAJAR)

JABATAN PENGAJIAN PENDIDIKAN DAN SAINS TINGKAHLAKU [SHPSH]

1 penyelia : 3 - 4 pelajar

Senarai Penyelia Program Pendidikan Sains Sukan



Assoc. Prof. Dr Zainal Abidin bin Zainuddin
B.Ed. (Physical Education) (UPM)
M.Sc. (sports Science)(UPM)
Ph.D (Exercise Physiology) (ECU,Australia)
Email : p-zainal@utm.my
Room : C13-309-01
Website: people.utm.my/zainal6869



Dr. Asha Hasnimy binti Mohd Hashim
B.Sc.Ed.(Sport Science)(UTM)
Grad Dip. Sc (Biomedical Science)(University of Wollongong
Master of Public Health (University of Wollongong, Australia)
Ph.D (Sport Science Education) (UPSI)
Email : asha@utm.my
Room : C15-328-01
Website: people.utm.my/asha/



Assoc. Prof. Dr. Halijah Ibrahim
Dip. (Human Development)(UPM)
B.Ed (Physical Education)(UPM)
M.Ed (Sport Science)(UiTM)
Ph.D (Sport Science)(Uni. of. Western Sydney, Aust)
Email : p-halija@utm.my
Room : C15-313-01
Website: people.utm.my/halija/



Dr. Syahrul Ridhwan bin Morazuki
B.Sc.Ed. (Sports Science)(UTM)
M.Sc. (Sports Science)(USM)
Ph.D (UTM)
Email : p-syahrul@utm.my
Room : C15-414
Website : people.utm.my/syahrulridhwan/



Dr. Diyana Zulaika binti Abdul Ghani
B.Sc.Ed.(Sport Science)(UTM)
M.Phil (UTM)
Ph.D (UTM)
Email : diyanazulaika@utm.my
Room : C15-312
Website : people.utm.my/diyanazulaika/



Dr. Muhammad Hafiz bin Ismail
Bachelor of Science with Education (Sport Science)(UTM)
M.Ed. (Sports Science)(UPSI)
Ph.D (Sport Science Education) (UPSI)
Email : hafiz@utm.my
Room : C13-312
Website : people.utm.my/mhafizsoe/

****pemilihan tertakluk kepada persetujuan penyelia yang dicadang dan penyelaras PSM program**

Innovating Solutions

Jkuasa PSM

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

KUOTA PENYELIAAN (PENYELIA: PELAJAR)

Senarai Penyelia Program Pendidikan Sains Sukan



Dr. Adjah Naqkiah binti Mazlan

B.Sc. (Sport Science)(UTM)

Ph.D (Educational Technology)(UTM)

Email : adjahnaqkiah@utm.my

Room : C13-315

Website: people.utm.my/adjahnaqkiah/



Dr. Fatihah Binti Raimi

B.Sc.Ed. (Sports Science (UTM)

M.Sc (Sports Science)(USM)

Ph.D (Sports Science) (USM)

Email: nurfatihah.raimi@utm.my

Room: C14-332-01

Website : people.utm.my/nurfatihah



Dr. Hadafi Fitri Mohd Latip

B.Sc.Ed. Sport Science (UTM)

M.(Executive Occupational Safety Health and Environmental) (UMP)

PhD. Health Science (UTM)

E-mel: hadafifitri@utm.my

Nombor bilik: Blok V01, Pejabat SITC, Pengarah



Dr. Izwyn Binti Zulkapri

PENSYARAH KANAN (DS51)

Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Jabatan Kejuruteraan Bioperubatan dan Sains Kesihatan

izwyn@utm.my

<https://people.utm.my/izwyn/>

[View Google Contact](#)

***pemilihan tertakluk kepada persetujuan penyelia yang dicadang dan penyelaras PSM program*

Innovating Solutions

Jkuasa PSM

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

KUOTA PENYELIAAN (PENYELIA: PELAJAR)

Akademi Bahasa (AB) [SHPLH]



Senarai Penyelia

1 penyelia : 1 - 2 pelajar

Akademi Tamadun Islam (ATI) [SHPIH]

1 penyelia : 1 - 2 pelajar

**Penyelaras PSM program (Dr Najwa Hanani Abd Rahman) akan menentukan penyelia setiap pelajar mengikut kuota yang ditetapkan. Pelajar tidak perlu membuat pencalonan penyelia.

***pemilihan tertakluk kepada persetujuan penyelia yang dicadang dan penyelaras PSM program*

Innovating Solutions

Jkuasa PSM

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)

TARIKH PENTING PSM I

BIL	PERKARA	TARIKH/HARI/MINGGU
1	Taklimat Projek Sarjana Muda I (PSM I)	23 September 2025 (Selasa)
2	Pencalonan 2 Nama Penyelia dalam Sistem PSM	23 – 30 September 2025
3	Taklimat ePoster PSM I	18 November 2025 (Selasa) Minggu 7
CUTI SEMESTER		24-30 November 2025 Minggu 8
4	Pembentangan ePoster PSM I	15-19 Disember 2025 Minggu 11
5	Penghantaran Laporan PSM I Lengkap (berserta Laporan Turnitin)	16 Januari 2025 (Jumaat) Minggu 15
6	Program Sokongan PSM I	Akan dimaklumkan melalui hebahan poster

TAKLIMAT PROJEK SARJANA MUDA I (PSM I)



THANK YOU

   univteknologimalaysia   utm.my  utmofficial